

Tempat Duduk: _____

Angka Giliran: _____

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1993/94**

April 1994

HMA 101 Pengantar Pengajian Bahasa Melayu

Masa: [3 jam]

KERTAS INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DALAM TIGA BELAS [13] MUKA SURAT.

ARAHAN

- Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian; Bahagian A dan B.
- Jawab **SEMUA** soalan daripada Bahagian A dan B.
- Bagi Bahagian A, jawapan ditulis di atas kertas soalan; manakala bagi Bahagian B, jawapan mesti ditulis di atas kertas jawapan.
- Tulis nombor angka giliran pada setiap muka surat kertas jawapan anda.

BAHAGIAN A - Jawab SEMUA soalan [60 markah]

1. (a) i. Menggunakan gambar rajah, perlihatkan dan deskripsikan bagaimana kedudukan organ-organ sebutan ketika menghasilkan bunyi [k] dan [ŋ].

(6 markah)

Angka Giliran: _____

- ii. Terdapat persamaan dan perbezaan dalam penghasilan bunyi [k] dan [ŋ] itu. Nyatakan satu persamaan dan satu perbezaannya.

(2 markah)

- (b) Transkripsikan perkataan berikut dengan menggunakan lambang fonetik (berdasarkan sebutan baku).

- | | |
|--------------------------|-------|
| i. diimbangi | _____ |
| ii. jelepok | _____ |
| iii. pemeriksaan | _____ |
| iv. keghairahan | _____ |
| v. penyengauan | _____ |
| vi. bermuafakat | _____ |
| vii. berabad | _____ |
| viii. tersengguk-sengguk | _____ |

(8 markah)

.../4

Angka Giliran: _____

(c) Jelaskan secara ringkas perbezaan konsep-konsep berikut. Pilih sama ada (i), (ii) atau (iii).

- i. konsonan dan vokal
- ii. nasal dan oral
- iii. alofon dan fonem

(4 markah)

Angka Giliran: _____

2. (a) Teliti ayat di bawah, kemudian jawab soalan (i) hingga (iv).

Pemandu itu mengetepikan keretanya untuk memberi lalan kepada rombongan pelawat itu.

- i. Tentukan golongan kata perkataan bergaris

pemandu _____

mengetepikan _____

lalan _____

(1.5 markah)

- ii. Berikan kata dasar perkataan-perkataan itu

pemandu _____

mengetepikan _____

lalan _____

(1.5 markah)

- iii. Berikan dua [2] imbuhan lain yang boleh bergabung dengan setiap kata dasar itu untuk menghasilkan kata terbitan yang baru (yang tiada hubungan dengan ayat di atas).

(3 markah)

Angka Giliran: _____

- iv. Bina ayat daripada setiap kata terbitan di dalam bahagian 2 (a) iii tersebut.

(6 markah)

Angka Giliran: _____

- (b) Bincangkan perbezaan antara morfem bebas dan perkataan. Sertakan contoh-contoh yang sesuai.

(3 markah)

Angka Giliran: _____

3. (a) Teliti ayat di bawah. Berikan dua [2] makna yang berbeza dan tunjukkan setiap makna tersebut melalui analisis Konstituen Terdekat.

Abu memotong tiga ekor ayam jantan

i. Makna pertama:

Analisis konstituten terdekat:

ii. Makna Kedua:

Analisis konstituen terdekat:

(7 markah)

.../9

Angka Giliran: _____

(b) Cantumkan ayat-ayat berikut supaya menjadi ayat majmuk.

- i. Pengurus kilang itu akan didakwa di mahkamah.
Pengurus kilang itu melakukan pecah amanah.

(2 markah)

- ii. Amran belajar di luar negeri.
Pelajarannya telah tamat.
Amran segera pulang.
Dia hendak menemui orang tuanya.

(2 markah)

(c) Betulkan ayat berikut supaya menjadi gramatis.

- i. Jawatankuasa Penyelesaian Masalah Remaja akan bermesyuaratkan tidak berapa lama lagi untuk membincangkan tentang soal remaja berpeleleran di beberapa pasar-pasar raya.

(2 markah)

.../10

Angka Giliran: _____

- ii. Muzim sekarang kekurangan kakitangan yang profesional menyebabkan ia masih di tahap lama.

(2 markah)

4. (a) Jelaskan secara ringkas dua [2] daripada perkara berikut:

- i. konteks
- ii. peribahasa
- iii. perubahan makna
- iv. antonim

(5 markah)

Angka Giliran: _____

(b) Buatlah satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan anda faham penggunaannya dan maksudnya.

i. menutup

menudung

menyumbat

Angka Giliran: _____

ii. tua keladi

keladi tua

(5 markah)

.../BAHAGIAN B

.../13

BAHAGIAN B - Jawab SEMUA soalan [40 markah]

5. Bincangkan aspek penaikan taraf dan pengekodan bahasa Melayu apabila bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia.

(20 markah)

6. Susur-galurkan secara ringkas salasilah bahasa Melayu moden daripada filum Austrik.

(10 markah)

7. Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

(a) "... bahasa adalah suatu sistem lambang pertuturan yang arbitrari yang digunakan oleh anggota-anggota sesebuah masyarakat untuk berhubung".

(4 markah)

(b) Dialek geografi bahasa Melayu.

(4 markah)

(c) Faktor penyingkiran dalam bahasa manusia.

(2 markah)